



**PERSATUAN PESARA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(PESUTIMA)**

931, Tingkat 3, Blok 9, Intekma Resort & Convention Centre,
Persiaran Raja Muda, 40000 Shah Alam, Selangor DarulEhsan

Alamat Facebook : Persatuan Pesara UiTM Email : pesutima@yahoo.com

GAMBAR
TERBARU
BERUKURAN
PASPORT

BORANG PERMOHONAN MENJADI AHLI

Sila isi dalam dua (2) salinan & kembalikan kepada Setiausaha

A. MAKLUMAT PERIBADI

NAMA PENUH (Huruf besar) :

NO. KAD PENGENALAN : Baru () Lama ()
(Salinan K/P depan & belakang)

ALAMAT SURAT MENYURAT :
Postkod :

NOMBOR UNTUK DIHUBUNGI : Rumah () H/P () Email ()

B. MAKLUMAT PERSARAAN :

JAWATAN TERAKHIR DI UTM SEBELUM BERSARA : No Pekerja :

ALAMAT PEJABAT DI UTM SEBELUM BERSARA :

TARIKH BERSARA : UMUR WAKTU BERSARA : SEBAB BERSARA : Wajib / Pilihan / Kesihatan
(Sila sertakan Kad Pesara JPA) (Potong tidak berkenaan)

C. MAKLUMAT SUAMI / ISTERI :

NAMA ISTERI / SUAMI : NO. TEL. :

ALAMAT UNTUK DIHUBUNGI :
Postkod :

Bersama ini saya sertakan wang tunai / wangpos / cek no. :

- Pendaftaran : RM 10.00
 Ahli Seumur Hidup : RM 100.00
 Sumbangan Ikhlas : RM

Saya mengaku bahawa segala keterangan di atas adalah benar.

Tandatangan Pemohon

Tarikh

No. Akaun Affin Bank : 105140001644

No. Akaun Maybank : 562106640413

Bersama ini saya sertakan wang tunai / wangpos / cek no. :

- Pendaftaran : RM 10.00
 Sumbangan Tahunan : RM 60.00
Jumlah RM 70.00

Saya mengaku bahawa segala keterangan di atas adalah benar.

Tandatangan Pemohon

Tarikh

**BORANG SKIM
KHAIRAT KEMATIAN**

(Sila hantar Borang Permohonan
Kepada Setiausaha)

NAMA PENUH WARIS (Huruf besar) :

NO. K/P : NO. UNTUK DIHUBUNGI :

HUBUNGAN DENGAN AHLI :

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Keahlian diterima pada sebagai Ahli Seumur Hidup

No. Ahli : No Resit :

Jika permohonan ditolak (sebab) :

Tandatangan Setiausaha

Tarikh

Borang permohonan menjadi ahli dengan bayaran berbentuk TUNAI, WANG POS atau CEK hendaklah ditulis atas nama
'PERSATUAN PESARA UTM (PESUTIMA)' dan dihantar kepada alamat

SETIAUSAHA

Persatuan Pesara Universiti Teknologi MARA (PESUTIMA)

931, Tingkat 3, Blok 9, Intekma Resort & Convention Centre, Persiaran Raja Muda, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Sekian dimaklumkan, semoga tuan/puan menerima jemputan menjadi ahli dengan kadar segera - Terima kasih.

PERSATUAN PESARA UiTM(PESUTIMA)

No 931, Tingkat 3, Blok 9, Intekma Resort & Convention Centre, Persiaran Raja Muda,
40000 Shah Alam, Selangor DE. Emel: pesutima@gmail.com dan Facebook: Persatuan Pesara UiTM

MAKLUMAT RINGKAS KHAS UNTUK BAKAL-BAKAL AHLI PESUTIMA

KELAYAKAN MENJADI AHLI

1. Staf UiTM berjawatan tetap yang besara wajib atau besara awal. Staf yang meletak jawatan dengan UiTM adalah tidak layak memohon.
2. Pesara-pesara Kerajaan yang bersara wajib atau besara awal dan berkhidmat secara kontrak dengan UiTM selama 5 tahun serta semasa berkhidmat adalah ahli khairat kematian UiTM boleh diberi pertimbangan. Pengecualian syarat pernah menjadi ahli khairat kematian cuma diberikan kepada staf yang menamatkan perkhidmatan sebelum tarikh pelaksanaan khairat di UiTM.

CARA-CARA MEMOHON MENJADI AHLI

1. Mengisi borang permohonan yang ditetapkan
(borang boleh dihantar oleh PESUTIMA melalui pos atau di kampus cawangan)
2. Menyertakan bayaran keahlian seperti berikut:

Yuran keahlian seumur hidup	RM100.00
Yuran Pendaftaran Keahlian	RM 10.00
Yuran tahunan Khairat Kematian UiTM	RM 60.00
Yuran Pendaftaran Khairat Kematian	RM 10.00
Jumlah Besar	RM180.00
3. Menyertakan salinan Kad Pesara Kerajaan
4. Bayaran boleh dibuat melalui:
 - a. Wang Pos / Kiriman Wang/ Cek atas nama PERSATUAN PESARA UiTM SHAH ALAM
 - b. Akaun PESUTIMA sama ada Affin Bank No 1051 4000 1644 atau Maybank No 5621 0664 0413.
(salinan resit bayaran perlu disertakan)
 - c. Secara tunai kepada mana-mana AJK PESUTIMA

4. KEMUDAHAN KEPADA AHLI

- a. Mengikuti program/aktiviti anjuran PESUTIMA
- b. Mencarum Khairat Kematian UiTM. Sumbangan dari tabung khairat UiTM ke atas kematian ahli mengikut kadar semasa ialah sekitar RM30,000.00
- c. Rawatan di Pusat Kesihatan UiTM(bayaran ubatan sahaja dikenakan)
- d. Mencarum Skim Insuran Berkelompok Faedah Hospital dan Pembedahan Hospital Swasta UiTM
- e. Kemudahan Perpustakaan dan Rekreasi UiTM
- f. Pelekat khas kenderaan UiTM

5. KETERANGAN LANJUT

Boleh diperolehi dengan menghubungi melalui emel atau facebook PESUTIMA atau menghubungi Bahagian Perhubungan & Kebajikan Staf sama ada di Pejabat Pendaftar, Shah Alam atau di Pejabat Pentadbiran, Kampus Cawangan negeri masing-masing.

Bakal-bakal ahli juga boleh menghubungi mana-mana EXCO yang memerajui PESUTIMA sehingga akhir bulan Mac 2016 atau terus kepada Setiausaha, Haji Syed Mohd Ali Md Khalid(0193598830) atau Penolong Setiausaha, Haji Alias Burok(0173234002).

Pesutima November 2014

BULETIN PERSATUAN PESARA UITM (PESUTIMA) MALAYSIA BIL. 3 2014

(keluaran bulan NOVEMBER 2014untuk edaran kepada ahli sahaja)

Alamat:

No.931, Tingkat 3, Blok 9, Intekma Resort & Convention Centre, Persiaran Raja Muda, 40000 Shah Alam SELANGOR DE
Email : pesutima@gmail.com
Facebook: Persatuan Pesara UITM

KATA ALUAN PRESIDEN

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada ahli-ahli . Ini merupakan buletin ke tiga dikeluarkan oleh PESUTIMA. Semoga ianya memberi manfaat kepada semua ahli.

Alhamdulillah bilangan ahli persatuan sehingga akhir bulan November 2014 telahpun meningkat kepada 854 orang.

Mesyuarat agong ke 6 dan pemilihan AJK baru bagi penggal 2014/16 yang diadakan pada 13 April 2014 di Dewan Kuliah Akademi Pengajian Bahasa di kampus Shah Alam telah berjalan dengan lancar. Seramai 125 orang ahli telah hadir.

Bagi menjaga kebajikan ahli yang memerlukan bantuan terutama berkaitan masalah kesihatan berpanjangan atau ditimpa bencana alam, PESUTIMA telah menubuhkan satu tabung dinamakan Tabung Kebajikan PESUTIMA.

Sebagai permulaan pengisian dana tabung ini sangat sesuai dimulakan oleh ahli-ahli sendiri. Sehubung dengan ini saya merayu kepada semua ahli supaya memberi sumbangan mengikut kemampuan masing-masing.

Sekali lagi saya merayu yang amat sangat kepada ahli-ahli terutama yang bertahun tidak membuat "TOP UP" khairat kematian supaya mengambil tindakan segera melunaskannya. Apa-apa masalah yang memerlukan penjelasan silalah hubungi Bendahari atau Penolong Bendahari PESUTIMA.

PERMOHONAN MENJADI AHLI PESUTIMA

Perlu mengisi borang yang boleh diperolehi dari Pejabat PESUTIMA. Jumlah bayaran ialah sebanyak RM180.00 iaitu bagi bayaran:

- a. Yuran ahli seumur hidup RM110.00,
- b. Yuran tahunan khairat RM60.00 dan
- c. Yuran pendaftaran khairat kematian RM10.00.

KEMUDAHAN YANG DIBERIKAN OLEH UITM KEPADA AHLI:

1. Menjadi Ahli Khairat Kematian Staf UITM
2. Skim Insuran Bekelompok Faedah Hospital dan Pembedahan di Hospital Swasta
3. Rawatan di Pusat Kesihatan/ Klinik UITM dalam kampus(bayar ubatan sahaja) atau percuma sepenuhnya di klinik Pakar, Fakulti Perubatan UITM di Sungai Buluh atau di Kampus Selayang.
4. Kemudahan Pejabat Persatuan di Intekma Resort & Convention Centre
5. Pelekat Khas Kenderaan
6. Kemudahan Perpustakaan & Rekreasi

TABUNG KHAIRAT KEMATIAN UITM

Caruman khairat kematian adalah salah satu daripada kemudahan yang diberikan oleh UITM kepada ahli-ahli PESUTIMA. Yuran tahunan yang dikenakan ialah sebanyak RM60.00 dan tidak kira bulan mana mulai menjadi ahli ianya perlu ditambah setiap bulan **Januari setiap tahun**.

Sehingga ke tarikh ini jumlah sumbangan kepada setiap waris ahli yang meninggal dunia adalah sekitar RM30,000.00. Sumbangan segera selepas kematian sebanyak RM5,000.00 akan diuruskan oleh Bendahari UITM sebaik sahaja pihak UITM Shah Alam / kampus cawangan/PESUTIMA menerima laporan kematian ahli. Bagi setiap kematian ahli sama ada staf atau ahli PESUTIMA, pemotongan sebanyak RM2.00 dari ledger tabung khairat masing-masing akan dibuat.

CARA MEMBAYAR YURAN TAHUNAN KHAIRAT KEMATIAN

Yuran tahunan khairat sebanyak RM60.00(tidak kira bulan berapa pesara mula menjadi ahli) perlu ditambah dan dijelaskan pada **bulan Januari setiap tahun** melalui:

1. **Cek atau money order/wang pos atas nama " PESUTIMA UITM MALAYSIA"** Mulai bulan Januari 2015 sepertimana yang ditetapkan oleh Bank Negara bayaran melalui cek perlu ditambah RM1.00(bagi setiap sekeping cek).

2. Akaun PESUTIMA sama ada **Affin Bank No akaun 1051 4000 1644** atau **Maybank No akaun 5621 0664 0413**. Sila pastikan salinan resit bayaran dihantar kepada Bendahari PESUTIMA atau email **pesutima@gmail.com** atau facebook "Persatuan Pesara UITM" untuk tujuan rekod.

3. **Bayaran secara tunai boleh dilakukan melalui mana-mana AJK PESUTIMA**

SKIM INSURAN BERKELOMPOK UITM

Terima kasih kepada pihak pengurusan UITM kerana memanjangkan kemudahan skim ini kepada ahli-ahli. Skim Insuran Berkelompok Faedah Hospital dan Pembedahan ini disediakan untuk memberi manfaat kepada staf/ahli PESUTIMA dan tanggungan untuk menikmati rawatan di hospital swasta. Had umur ialah 79 tahun termasuk suami/isteri dan anak berumur 19 tahun atau 24 tahun yang masih menuntut di IPT. Untuk keterangan lanjut sila hubungi terus Bahagian Perhubungan & Kebajikan Staf, Pejabat Pendaftar UITM Shah Alam di talian 03 55443059/3079 atau Pejabat Pentadbiran kampus cawangan.

RAYUAN DERMA UNTUK TABUNG KEBAJIKAN AHLI PESUTIMA

Tujuan ditubuhkan tabung ini adalah bagi membantu ahli-ahli yang menghadapi masalah terutama berkaitan dengan kesihatan atau bencana alam.

Sebagai permulaan tabung ini akan digerak dan dimulakan melalui sokongan dan sumbangan

ikhlas di kalangan ahli-ahlinya sendiri. Ahli-ahli yang ingin menderma bolehlah berbuat demikian melalui akaun bank PESUTIMA.

Setakat ini jumlah dalam tabungan ialah hampir RM1,900.00. PESUTIMA amat berbesar hati kerana menerima sumbangan ikhlas sebanyak RM1,000.00 daripada salah seorang bekas pensyarah Pusat Akademi Bahasa. Manakala selebihnya diperolehi melalui pungutan derma di Majlis Hi-Tea PESUTIMA pada 24 November 2013 di Hotel UITM.

Oleh kerana jumlah dana sedia ada kecil, sebagai permulaan bantuan kepada ahli cuma meliputi ahli yang menghadapi masalah kesihatan berpanjangan yang terlantar lama di rumah atau di hospital. Sumbangan juga akan diberikan kepada ahli-ahli yang kematian suami/isteri di mana pasangannya itu bukan ahli PESUTIMA.

Sehubung dengan itu mana-mana ahli yang memperolehi rezeki yang lebih daripada Allah swt selepas bersara, kami memohon dapat kiranya menghulur derma ikhlas untuk mengisi dana tabung ini. Marilah kita sama-sama membantu sahabat-sahabat kita yang sangat-sangat memerlukan bantuan daripada kita

MENCARI WAKIL PESUTIMA PERINGKAT NEGERI

Dalam usaha meningkatkan lagi perkhidmatan menjaga kebajikan ahli-ahli yang tinggal di luar Lembah Kelang, kami sedang mencari sukarelawan di kalangan ahli-ahli untuk dilantik sebagai wakil(penyelaras) bagi satu-satu kawasan atau negeri masing-masing.

Mana-mana ahli terutama yang aktif dalam persatuan semasa berkhidmat dahulu, sumbangan tenaga tuan/puan adalah sangat-sangat dihargai. Tuan/puan bolehlah menghubungi Presiden atau Setiausaha. Bagi yang mempunyai kemudahan email, facebook, whatsapp dan sebagainya adalah sangat baik bagi memudahkan perhubungan sesama ahli-ahli atau AJK Induk.

.....2//

RxFARMASI

Bagi pesara-pesara Kerajaan dan juga tanggungan boleh mendapat kemudahan secara percuma ubatan-ubatan, peralatan, katil, kerusi roda dan lain-lain keperluan perubatan di RxFarmasi yang berpejabat dalam Hospital Selayang.

Keterangan lanjut sila hubungi ExFarmasi:
0143201013(Arif)
0361279952(Asmadi-Pejabat)

PINJAMAN PERIBADI PESARA RHB BANK

Ahli-ahli berumur 67 tahun ke bawah dengan pensen bulanan melebihi RM750.00 yang berminat membuat pinjaman bolehlah menghubungi RHB Islamic Finance. Bayaran balik pinjaman adalah melalui potongan bulanan pensen yang akan diuruskan oleh pihak RHB dengan JPA.

AKTIVITI PERSATUAN DI NEGERI- NEGERI

Adalah dicadangkan ahli-ahli di negeri-negeri termasuk di Sarawak dan Sabah mengadakan suatu aktiviti yang sesuai di negeri/tempat masing-masing. Dengan ini ahli-ahli terutama yang tinggal di Lembah Klang bolehlah turut serta dan bertukar angin sambil bercuti. Pihak AJK PESUTIMA juga boleh memberi bantuan sekiranya diperlukan bagi menjayakan aktiviti tersebut.

Untuk merealisasikan tujuan tersebut cuma memerlukan seorang "leader" bersama 4,5 orang ahli untuk membantu. Sudah tentu Rektor negeri masing-masing akan turut membantu.

GRUP TELEGRAM PESUTIMA

Laman sosial GRUP TELEGRAM PESUTIMA ini diperkenalkan mulai 02 Oktober lalu dan sehingga kini ianya disertai oleh hampir seramai 40 orang ahli. Tujuan diperkenalkan Grup TELEGRAM ini adalah bagi membolehkan persatuan dan juga ahli-ahli menyampaikan atau mengemukakan apa-apa maklumat atau persoalan berkaitan dengan persatuan secara terus dan cepat. Ahli-ahli yang telah mengaktifkan aplikasi TELEGRAM dalam handphone masing-masing dan berminat menjadi ahli ini, bolehlah memberi nama penuh dan nombor handphone melalui

email atau facebook PESUTIMA atau terus kepada Admin yang mengelolakan grup ini di talian 0193160120.

AKTIVITI PESUTIMA TAHUN 2013 HINGGA OKTOBER 2014

04 – 07 Februari 2013

Taklimat kepada bakal-bakal pesara anjuran UiTM bertempat di Hotel Primula Kuala Terengganu. Seramai 120 orang menghadirinya.

24 November 2013.

Majlis Hi-Tea "Jom Sembang" untuk ahli-ahli PESUTIMA yang diadakan julung-julung kalinya bertempat di Hotel UiTM Shah Alam. Seramai hampir 140 orang ahli telah hadir termasuk mantan Naib Cancellor YBhg Senator Tan Sri Dr Ibrahim Abu Shah. Bayaran hi tea ialah RM35.00 seorang dan sebanyak 60 cabutan nombor bertuah diadakan yang sebahagian besar dibiayai oleh ahli-ahli sendiri.

28-30 Januari 2014

Taklimat kepada bakal-bakal pesara UiTM anjuran UiTM di Hotel Primula Kuala Terengganu. Seramai 230 orang menghadirinya.

05 April 2014

Taklimat pinjaman peribadi/perniagaan kepada ahli-ahli oleh pihak RHB bertempat di Pejabat PESUTIMA. Bayaran balik pinjaman bulanan adalah dibuat melalui potongan bulanan elaun pensen yang diurus oleh RHB.

13 April 2014.

Mesyuarat Agung ke 6 ini diadakan pada 13 April 2014 bertempat di Dewan Kullah Akademi Pengajian Bahasa Kampus Shah Alam. Seramai 125 orang telah hadir dan di antara lain mengadakan pemilihan AJK baru untuk tempoh dua (2) tahun mulai April 2014 hingga Mac 2016.

16 Ogos 2014

Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri telah diadakan bertempat di Kafeteria, Bangunan Menara, UiTM Shah Alam. Seramai hampir 250 orang ahli menghadirinya.

***** 3//

05 Oktober 2014

Mulai tahun 2014 PESUTIMA telah bekerjasama dengan PERKIM Cawangan Shah Alam menguruskan ibadah qurban untuk ahli-ahli melalui pakej qurban di Kemboja. Harga sebahagian ialah RM280.00.

21 Oktober 2014

PESUTIMA menganjurkan *Family Bowling* untuk ahli-ahli serta suami/isteri bertempat di Mega Lane, Plaza Alam Sentral, Shah Alam.

AHLI AHLI PESUTIMA YANG MENINGGAL DUNIA TAHUN 2013- NOVEMBER 2014.

1. Zainal Khadri bin Hassan(3.2.13)
2. Hassan bin Abdul Rahman(25.7.13)
3. Abd Jalil bin Ahmad(19.11.13)
4. Zakaria bin Abdul Aziz(25.11.13)
5. Meriam bt Draman(18.1.14)
6. Khairuddin bin Isa(20.2.14)
7. Nordin bin Yunus(17.3.14)
8. Hidir bin Baharom (5.3.14)
9. Mohd Amin bin Mat Lahim(23.4.14)
10. Mohd Jais bin Misar(19.5.14)
11. Jemilah bt Hassan(11.6.14)
12. Haji Baba bin Samdin(11.9.14)
13. Haji. Isa bin Juri(22.9.14)
14. Haji Zakaria Haji Hassan(25.10.14)
15. Samsuddin bin Omar(19.11.14)

(Sama-samalah kita sedekahkan - Al Fatimah kepada teman-teman yang sudah meninggalkan kita dan ber doakan semoga roh-roh Allahyarham/Allahyarhamah dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama orang orang solihin. Amin..amin.. YRBA)

AJK PESUTIMA PESUTIMA BAGI TEMPOH DUA(2) TAHUN MULAI APRIL 2014 HINGGA MAC 2016

Presiden: Haji Mohd Nawi Hj Daud(0193160120),
Email: nawi.mohd@yahoo.com

Timbalan Presiden: Hajah Ramlah Hj Bujang
(0192343158), Email: ramlabujang@yahoo.com

Setiausaha: Haji Syed Mohd Ali Syed Md Khalid
(0193598830), Email: syed.mohdali@yahoo.com

Penolong Setiausaha: Haji Alias bin Burok
(0173234002) Email: aliasburok@gmail.com

Bendahari: Hari Ramli Ismail(0192888651)

Email: misai_22@yahoo.com

Penolong Bendahari: Hj Fakhruddin Zakaria
(0192440376)

Email: haji_deen@yahoo.com.my

Hajah Saadiyah Abu Hassan (0122666051),

Haji Mohamed Ali Ab Rahman (0129758033),

maar181@hotmail.com

Jamaliah Ainon Manah (0132042143)

J_aina_m@yahoo.com

Hajah Ainon Ibrahim (0193572257)

ainon449@yahoo.com

Shafie Nani (0126538931)

shapienani@yahoo.com

Dr Hj Sulaiman Samsuri(0196620574)

sulaimansamsuri@yahoo.com

Hamdan Jemiran(0193146859)

hamdanjemiran@yahoo.com

Juru Audit:

Hajah Rakiah Mohd Nor

Haji Basharudin Ismail

WAKTU PEJABAT EXCO PESUTIMA

Hari: Ahad Rabu Khamis

Masa: 10.00 hingga 11.30 pagi

+ sebelum datang berurus di pejabat ahli-ahli digalakkan terlebih dahulu menghubungi Setiausaha/ Penolong Setiausaha/ Bendahari/ Penolong Bendahari

+ waktu-waktu lain melalui temujanji

Apa-apa cadangan/pandangan mengenai pengisian buletin bolehlah dikemukakan melalui emailpesutima@gmail.com

.....4//

